

BAB

DUA

BAB DUA

TAMADUN ISLAM DI ANDALUS

2.1 Pengenalan

Istilah Andalus yang pernah digunakan pada suatu masa dahulu merujuk kepada negara Sepanyol dan Portugal hari ini. Sebenarnya istilah ini tidak pernah digunakan sebelum diperkenalkan oleh orang-orang Islam di daerah tersebut. Sebelum kedatangan Islam, daerah ini diberikan dengan bermacam-macam gelaran, antaranya ialah ‘*Iberia*’ yang dikaitkan dengan orang-orang ‘*Iberio*’ iaitu bangsa yang mula-mula menghuni kawasan tersebut. Kemudian dikenali pula dengan nama ‘*Hespania*’ yang diberikan oleh orang Rom apabila mereka menakluki kawasan ini (Osman Haji Khalid, 1987: 328).

Asal usul nama Andalus yang diberikan oleh orang Islam kepada kawasan Semenanjung Iberia ini tidak dapat dipastikan dengan betul. Besar kemungkinan nama ini diambil atau dipetik oleh orang Islam daripada perkataan ‘*Vandaliti*’ atau ‘*Vandalucia*’ yang bermaksud tanah Vandal atau nama bagi satu keturunan orang Eropah Utara yang telah merampas kawasan ini daripada orang-orang Rom pada abad ke 5 Masihi (406 M) (Edwyn Hole, 1958: 19).

Apabila orang-orang Islam sampai ke kawasan ini, mereka mengetahui tentang orang-orang Vandal, lalu mereka menamakan wilayah ini sebagai Andalus

yang diambil daripada kata ‘*Vandalucia*’ dengan mengubahsuaikannya dengan sebutan Arab.

Andalus menandakan lapan buah daerah atau wilayah yang terletak di bahagian selatan dan tidak merangkumi seluruh kawasan Semenanjung Iberia. Daerah-daerah yang termasuk dalam kawasan Andalus ialah Almeria, Granada, Malaqa, Jaen, Kordova, Gerilla, Gadiz dan Huelva. Seluruh daerah ini diperintah oleh seorang Kapitan-General, yang berpusat di Granada. Secara kasarnya, kedudukan kawasan ini kelihatan seperti sebuah segi tiga di antara Sierra Morena dan Mediterranean (Edwyn Hole, 1958: 19). Andalus kini dikenali sebagai Espania atau Sepanyol serta Portugis dan sebahagian negara Perancis sekarang. Walau bagaimanapun, nama Andalus ini terus kekal digunakan di bahagian selatan negara Sepanyol (Rujuk Peta 1) Menurut Ruth Way;

Andalusia comprises that part of Spain lying south of the Sierra Morena and west of a line of longitude drawn through Cape de Gata, and may be divided into three regions; the Guadalquivir valley, the South Coast and the Sierra Nevada (Ruth Way, 1962: 251).

2.2 Andalus Sebelum Kedatangan Islam

Sebelum kedatangan Islam, Andalus telah dikuasai dan diperintah oleh berbagai-bagi bangsa dari seluruh Eropah. Orang-orang Eropah dan Barbar telah menetap di sini sejak zaman kuno lagi. Orang-orang Phoenician menguasai kawasan ini pada awal abad kesepuluh sebelum masihi. Kemudian datang pula orang Yunani, mereka lah yang memberikan nama Semenanjung Iberia dan menjadikan kawasan ini

sebagai tanah jajahan mereka. Seterusnya, Andalus menjadi wilayah kekuasaan Rom pada abad pertama sebelum masihi (Anwar G. Chejne, 1974: 4).

Dari tahun 534 S.M. sehingga pada tahun 205 S.M., Andalus berada di bawah pemerintahan kerajaan Rom. Pusat pemerintahan kerajaan Rom terletak di bandar kuno Taliqah berhampiran bandar Seville. Penduduk Andalus telah diperkenalkan dengan undang-undang, kesenian dan tamadun orang Rom. Sistem pertanian, jambatan, jalan-jalan serta saluran-saluran air dibina untuk kemudahan penduduk di sini (Walt. William Montgomery, 1965: 11). Bahasa Latin dijadikan bahasa utama penduduk dan agama Kristian pula sebagai agama rasmi empayar ini pada abad ke 4 Masihi (Anwar G. Chejne, 1974: 4).

Apabila empayar Rom lemah, Andalus telah jatuh pula ke tangan orang-orang Jerman seperti Suevi, Vandal dan Visigoth. Orang-orang Visigoth mula menduduki bahagian Timur Laut Andalus pada permulaan abad kelima masihi. Mereka memusnahkan seluruh pengaruh Rom dan menjadikan Kota Toledo sebagai ibu negeri mereka. Kota Toledo ini juga dikenali sebagai Bandar Diraja (Ciudad Regia). Orang Visigoth telah mengamalkan pemerintahan aristokrasi dan pada masa yang sama mereka berkongsi kuasa dengan golongan eklesiastik dan para pembesar (Anwar G.Chejne, 1974: 4).

Pemerintahan Visigoth selama lebih daripada dua ratus tahun tidak membawa sebarang perubahan yang baik kepada masyarakat Andalus. Kehidupan penduduk di bawah pemerintahan Raja Gothic tidak banyak berubah, malah lebih buruk berbanding dengan pemerintahan Suevi dan Vandal sebelumnya. Kerajaan Goths

memerintah secara kuku besi dan rakyat semakin menderita (Imamuddin S.M, 1961: 1).

Dari segi sosial, masyarakat Andalus terbahagi kepada beberapa buah kumpulan sosial. Antaranya ialah golongan raja dan putera-putera raja, paderi gereja, tuan tanah dan orang bangsawan, rakyat biasa, golongan buruh dan hamba abdi. Kesemua kumpulan ini dibahagikan pula kepada dua kelas utama iaitu Latifuanda atau kelas pemerintah (raja, golongan paderi dan bangsawan) dan kelas yang diperintah (rakyat biasa, buruh, hamba abdi dan orang Yahudi) (Imamuddin S.M, 1961: 1). Golongan pemerintah dan bangsawan menduduki tempat tertinggi dalam masyarakat kerana memiliki kekayaan dan kekuasaan. Kekayaan yang dinikmati oleh golongan bangsawan ini berpunca daripada penindasan terhadap para petani yang dipaksa mengusahakan tanah-tanah milik mereka. Akibatnya, para petani dan golongan hamba hidup dalam keadaan menderita serta terpaksa bergantung hidup kepada golongan tersebut. Sistem perhambaan menjadi perkara biasa di sini, kadang-kadang seorang bangsawan boleh memiliki 4,000 sehingga 8,000 orang hamba (Imamuddin S.M, 1961: 3).

Pada akhir abad ke 7 Masihi timbul satu pergolakan dan keadaan menjadi tegang pada permulaan abad ke 8 Masihi. Keadaan ini kelak memberi peluang kepada orang-orang Islam untuk membuka dan menguasai Andalus. Para pembesar dan golongan agama terus menikmati segala keistimewaan dan kekayaan, sementara golongan buruh dan hamba semakin menderita. Orang Yahudi yang memainkan peranan penting dalam ekonomi pula telah dipaksa menganut agama Kristian, dirampas hak mereka dan diseksa dengan kejam. Komplot dan tiada tolak ansur para

pembesar, perbalahan mengenai pengganti raja, masalah ekonomi dan lain-lain faktor telah menyumbang kepada kejatuhan kerajaan Visigoth (Anwar G. Chejne, 1974: 4).

Keadaan tegang ini berlaku pada tahun 700 M apabila Witiza menggantikan ayahnya Egica. Pada peringkat awal pemerintahan, Witiza berusaha untuk memperbaiki keadaan dalam negerinya, namun begitu beliau telah tersalah langkah apabila beliau bertindak mengusir anaknya Pelayo, menindas penyokong-penyokong Jeneral Roderick dan dengan sewenang-wenangnya telah melantik cucunya sendiri yang masih kecil sebagai penggantinya kelak (Anwar G.Chejne, 1974: 4).

Tindakan Witiza telah menimbulkan kemarahan di kalangan para pembesar dan pihak-pihak tertentu yang merasakan diri mereka lebih layak untuk memegang tampuk pemerintahan. Pergolakan telah berlaku pada tahun 710 M apabila wujud dua pihak yang sering bertelagah antara satu sama lain, iaitu antara penyokong Achila dan penyokong Roderick. Dalam pergolakan ini, Roderick telah berjaya merampas kuasa dan Achila terpaksa melarikan dirinya ke Ceuta dan di sinilah beliau dikatakan telah meminta pertolongan daripada orang Islam untuk mendapatkan semula takhtanya (Anwar G.Chejne, 1974: 5).

2.3 Islam Membuka Andalus

Pembukaan Andalus oleh orang-orang Islam berlaku selepas Islam bertapak dengan kukuhnya di Maghribi. Pembukaan dan perluasan kuasa Islam di seluruh Maghribi bermula setelah panglima Islam iaitu Musa bin Nusayr berjaya

menakluknya pada tahun 708 M. Kejayaan Islam bertapak di Maghribi ini telah merobohkan benteng yang memisahkan Timur dan Barat dan memperluas daerah kekuasaan Islam dari sempadan negeri Mesir di sebelah Barat hingga ke lautan Atlantik, yang akhirnya membuka jalan kepada tentera Islam untuk menjelajah Andalus (Osman Haji Khalid, 1987: 333).

Semasa menjadi Gabenor di Afrika Utara, Musa bin Nusayr telah meminta kebenaran daripada Khalifah untuk membuka Andalus. Pada mulanya Khalifah enggan memberi kebenaran kerana bimbangkan keselamatan tentera-tentera Islam dan merasakan sukar untuk mengirim bantuan sekiranya diperlukan kerana adanya laut yang memisahkan antara tanah besar Afrika dengan Andalus. Walau bagaimanapun setelah diyakinkan oleh Musa betapa pentingnya daerah ini dibuka, maka Khalifah memberikan kebenaran dengan syarat diantar terlebih dahulu satu pasukan kecil tentera untuk meninjau keadaan tempat tersebut sebelum dilancarkan gerakan pembukaan yang sebenar ke atas Andalus (Osman Haji Khalid, 1987: 336).

Oleh itu, pada tahun 710 M , Musa bin Nusayr telah menghantar panglimanya Abu Zora Tarif, iaitu seorang panglima Islam daripada suku kaum Barbar bersama-sama satu pasukan terdiri daripada lima ratus orang tentera termasuk seratus orang tentera berkuda untuk memulakan penerokaan tersebut. Pasukan ini telah dibantu oleh Julian (pembantu Achila) yang membekalkan empat buah kapal tentera (Reinhart Dozy, 1913: 230). Akhirnya, pasukan tentera Tarif telah berjaya mendarat di Pulau Palomas dan menukarkan nama pulau tersebut kepada *Pulau Tarifa* sempena namanya. Tarif kembali ke Afrika dengan membawa bersamanya sejumlah besar harta rampasan pada bulan Julai 710 M (Anwar G. Chejne, 1974: 7).

Setelah mendapat berita yang menggalakkan daripada ekspedisi ini, maka Musa bin Nusayr meminta seorang lagi panglima beliau iaitu Tariq ibn Ziyad mengetuai pasukan tentera Islam meneruskan usaha penaklukan tersebut. Oleh itu, pada tahun 711 M, Tariq meninggalkan Tangiers bersama-sama sembilan ribu tentera Islam berketurunan Barbar menyeberangi selat, dan berjaya mendarat dengan selamat di suatu kawasan pantai yang berbukit-bukit. Kawasan ini kemudiannya dikenali sebagai *Jabal Tariq* atau *Gibraltar* sempena namanya (Osman Haji Khalid, 1987: 337).

Tariq menjadikan *Gibraltar* sebagai tapak operasi untuk terus mara ke bahagian Utara. Kehadiran tentera Islam kali kedua ini juga telah mendapat bantuan dan kerjasama daripada Julian. Orang Yahudi juga dilaporkan turut membantu kemasukan tentera Islam ke Andalus. Mereka telah menyampaikan rahsia kekuatan tentera Visigoth kepada pihak Islam seperti yang berlaku semasa penaklukan Kota Toledo. Apabila mendapat berita tentang kemasukan tentera Islam ini, maka Roderick mengumpulkan bala tenteranya seramai empat puluh sehingga seratus ribu orang untuk menghadapi tentera Islam (Anwar G. Chejne, 1974: 8). Setelah menyedari bilangan tenteranya yang terlalu kecil, maka Tariq dengan segera meminta bantuan Musa bin Nusayr. Musa bin Nusayr telah mengerahkan seramai lima ribu orang tentera Islam menuju ke Andalus bagi memperkuatkan pasukan tentera Tariq. Kehadiran mereka menjadikan jumlah kesemua tentera Islam di bawah pimpinan Tariq seramai dua belas ribu orang (Abdul Halim Hj. Mat Diah, 1989: 25).

Kedua-dua buah pasukan tentera Islam dan tentera Visigoth yang dipimpin oleh Roderick telah bertembung di satu lembah yang dikenali sebagai *Wadi Lakkah*

berhampiran Medina Sidonia dalam wilayah Cadiz. Perperangan ini berlangsung selama tujuh hari berturut-turut. Dalam peperangan ini, tentera Islam telah mendapat bantuan daripada orang-orang Yahudi yang hidup tertindas di kawasan tersebut (Abdul Halim Hj. Mat Diah, 1989: 25). Pasukan tentera Roderick menjadi lemah kerana ramai yang cedera teruk dan ada sebahagian daripada mereka yang melarikan diri. Akhirnya Roderick dan tenteranya telah berjaya ditewaskan pada 19 Julai 711 M (Anwar G. Chejne, 1974: 8).

Pasukan Tariq terus mara ke bahagian Utara. Beliau telah berjaya menakluk beberapa buah bandar ketika dalam perjalanan menuju ke ibu kota Toledo. Beliau telah menghantar sebuah pasukan tentera menuju ke Malaga, Elvira, Murcia (Tudmir) dan Kordova. Melalui Jaen, beliau telah berjaya memasuki Toledo tanpa sebarang pertempuran (Anwar G.Chejne, 1974: 8).

Kejayaan Tariq telah mendorong Musa bin Nusayr untuk turut sama dalam usaha penaklukan tersebut. Musa bin Nusayr datang bersama-sama 18,000 orang tentera yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Arab, menyeberangi Selat Gibraltar menuju ke Andalus pada tahun 712 M (Khan Bahadur Ahsanullah, 1931: 399). Musa dan tenteranya berjaya mendarat di satu kawasan pergunungan di Laut Mediterranean. Tempat ini dinamakan *Jabal Musa* sempena namanya. Musa menggunakan jalan yang berlainan daripada Tariq, beliau telah sampai ke Algeciras dengan panduan yang diberikan oleh Julian. Seterusnya, beliau mara ke Seville setelah berjaya menakluki Sidonia, Carmonia, Huelva dan Beja. Melalui sungai Guadiana, beliau sampai ke Merida dan bandar-bandar lain dengan begitu mudah

sekali dan akhirnya bergabung dengan tentera-tentera Islam Tariq di suatu kawasan berhampiran Talavera di dalam wilayah Toledo (Anwar G.Chejne, 1974: 8).

Kedua-dua pasukan tentera Islam ini bergabung dan terus mara ke arah utara menuju Salamanca, Alba de Tormas sehingga ke bahagian tanjung. Selepas musim sejuk pada tahun 713 M, mereka menuju pula ke Saragossa dan Lerida, Barcelona dan Narbonne, seterusnya tiba di kawasan pergunungan Pyrenes dalam kawasan Avignon dan akhirnya ke Lyons melalui sungai Rhone. Pasukan tentera Islam mendapat tentangan hebat di sini, lalu berundur ke bahagian Barat Laut Semenanjung dan berjaya menakluki Leon dan Galicia setelah menentang lawan mereka yang terakhir di bawah pimpinan Pelayo di Asturias. Antara bandar-bandar yang jatuh ke tangan tentera Islam ialah Saragossa, Barcelona, Aragon dan Castlia. Menjelang 714 M, pasukan tentera Islam berjaya menguasai seluruh Andalus kecuali kawasan di sebelah Utaranya (Anwar G.Chejne, 1974: 9).

Musa bin Nusayr bercita-cita untuk menakluki beberapa buah negara Eropah yang lain untuk memudahkan beliau tiba di Damsyik dengan menggunakan jalan darat melalui Constantinople dan Asia Minor. Beliau berhasrat meletakkan seluru benua Eropah di bawah kekuasaan Islam, walau bagaimanapun hasratnya tidak tercapai apabila beliau dan Tariq dipanggil balik ke Damsyik oleh Khalifah al-Walid bin Abd Malik. Khalifah merasakan penaklukan itu tidak perlu kerana terlalu jauh ke dalam benua Eropah dan melewati kawasan kekuasaan Khalifah (Anwar G.Chejne, 1974: 9).

Dengan itu, maka berakhirlah kerjaya dua orang pemimpin tentera yang cekap yang banyak memberi pembaharuan dan dimensi penting kepada negara Islam. Andalus telah menjadi suatu wilayah empayar Islam yang sangat besar di bawah pemerintahan keluarga Umayyah, satu cabang daripada bani Quraysh yang juga keturunan Nabi Muhammad s.a.w. Satu titik baru bagi sejarah Andalus bermula apabila berlakunya perubahan dalam kehidupan dan pemikiran masyarakat di situ. Dua masyarakat yang berbeza dari segi bangsa, bahasa, agama dan latar belakang budaya iaitu masyarakat Islam dan Kristian hidup bersama-sama dan berjaya membina satu tamadun yang baru di Andalus (Anwar G.Chejne, 1974: 9).

2.4 Peranan Dan Sokongan Politik Pemerintah Islam Terhadap Kegiatan Keilmuan

Pihak pemerintah memainkan peranan penting dalam menentukan kemajuan atau kemunduran sesebuah negara. Begitu juga halnya dengan pertumbuhan dan perkembangan kegiatan keilmuan dalam dunia Islam. Peranan dan sokongan politik pemerintah Islam terhadap kegiatan keilmuan dilihat sebagai satu fenomena penting dalam mana-mana wilayah pemerintahan Islam. Para Khalifah, Wazir dan pembesar bukan setakat menjadi penaung kepada kegiatan keilmuan, malah mereka turut terlibat secara langsung dalam kegiatan keilmuan tersebut. Selain minat dan kecintaan para pemerintah terhadap ilmu pengetahuan, penglibatan mereka juga disebabkan oleh kecenderungan mereka untuk mendapat sokongan daripada para ulama dan para cendekiawan Islam.

Sebenarnya, fenomena peranan dan sokongan politik pemerintah Islam terhadap kegiatan keilmuan ini telah lama bermula iaitu sejak zaman pemerintahan Bani Abbasiyah (750-1258 M) lagi. Fadzullah Haji Shuib telah memetik pandangan beberapa orang sarjana seperti Haji Khalifah, Reynold Nicholson, ‘Umar Farukh, Tawfiq Tawil, Philip Hitti dan Ahmad Shalabi yang sependapat mengatakan bahawa era pertama pemerintahan Abbasiyah dari tahun 754 M hingga 847 M sebagai pencetus kepada kebangkitan intelektual Islam. Perkembangan ini berlaku bukan sahaja di Baghdad, malah telah tersebar hampir ke seluruh wilayah Islam yang lain termasuklah di Andalus, Mesir, Parsi, Afghanistan dan Afrika Utara (Fadzlullah Hj. Shuib, 1995: 64).

Demikian juga halnya dengan pertumbuhan dan perkembangan keilmuan di Andalus. Dalam jangka masa lapan abad pemerintahan Islam sejak tahun 711 M sehingga 1492 M, Andalus telah diperintah oleh beberapa buah kerajaan Islam termasuklah pemerintahan Gabenor yang bermula dari tahun 711 M sehingga tahun 755 M , diikuti oleh kerajaan Umayyah pada 756-1031 M, kerajaan-kerajaan kecil dari tahun 1141 M, kerajaan Murabitin, kerajaan Muwahhidin dan kerajaan Bani al-Ahmar. Tiap-tiap kerajaan ini telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan dan kemajuan keilmuan di Andalus. Namun demikian, para sejarawan menganggap bahawa zaman pemerintahan kerajaan Umayyah sebagai penyambung tradisi dan pencetus kepada kebangkitan intelektual Islam yang berpusat di bumi Eropah ini.

Bammate (1981: 9) mengatakan bahawa, *The most brilliant era of Muslim civilization was without any doubt at all that of the Abbasid Khaliffs of Baghdad (750*

- 1248) and of the Spanish Umeyyads (755 – 1492). Beliau juga memetik kata-kata Gustave Le Bon, seorang penulis Perancis yang berbunyi;

At an epoch when the rest of Europe was plunged in darkness barbarism, Baghdad and Cordova, the two great cities where Islam held sway, were centers of civilization which illuminated the whole world with the light of their brilliance (Haidar Bammate, 1981: 9).

Minat serta kesungguhan para pemimpin Andalus terhadap bidang keilmuan dan kesusasteraan telah bermula sejak zaman pemerintahan Khalifah Bani Umayyah yang pertama . Abd Rahman I (756- 788 M) ialah pengasas kepada pemerintahan Bani Umayyah di Andalus. Beliau bukan sahaja perintis kepada usaha-usaha menaungi kegiatan keilmuan tetapi juga sebagai pelopor kegiatan intelektual khususnya bidang kesusasteraan. Beliau ialah seorang pemerintah yang terpelajar, berkewibawaan dan amat meminati bidang kesusasteraan, terutamanya syair. Kecintaan Abd Rahman I terhadap syair terlalu mendalam sehingga beliau mampu menghasilkan sebuah syair untuk dirinya sendiri. Hal ini dinyatakan oleh T.B. Irving dalam bukunya bertajuk ‘ *Falcon Of Spain*’, beliau mengatakan bahawa Abd Rahman I telah menulis syair yang bertajuk ‘ *Memori Tentang Syria*’ . Syair ini berkaitan luahan perasaan kerinduan Abd Rahman I terhadap tanah tempat kelahirannya Syria (Azam B. Hamzah, 1999: 21; T.B. Irving 1984: 12).

Bagi memperkembangkan bidang kesusasteraan, Abd Rahman I turut menggalakkan kegiatan kesusasteraan di kalangan rakyatnya . Sebagai contoh, beliau telah membina satu tempat khas di dalam istana beliau yang diberi gelaran *Dar al-Madaniyyat* untuk kegiatan kesusasteraan di kalangan wanita Andalus (Robiah

Ismail, 1987: 76). Bidang kesusasteraan berkembang luas pada zaman tersebut sehingga Andalus berjaya melahirkan golongan *udaba'* yang mampu menghasilkan syair, puisi dan prosa meliputi berbagai-bagai tema seperti *madh*, *fakhr* dan *hamasah* (Robiah Ismail, 1987: 75).

Di samping itu, sokongan dan pengaruh politik yang kuat daripada Abd Rahman I telah berjaya menarik minat beberapa ahli cendekiawan Islam ke istananya. Sebagai peminat setia bidang kesusasteraan, beliau sering mengadakan majlis ilmu atau perbincangan dengan beberapa orang sarjana terkenal yang telah dijemput ke istananya. Antara para sarjana sastera yang berada di istananya ini termasuklah Abu al- Mutahashaha, seorang ahli syair, Shaykh Abu Musa Hawari, Isa bin Dinar, Yahya bin Yahya dan Sa 'id bin Hasan (Imamuddin S.M, 1961: 45).

Pada zaman pemerintahan Abd Rahman I, golongan cerdik pandai dan alim ulama begitu dihormati dan dipandang tinggi oleh pemerintah, para pembesar dan masyarakat Andalus. Abd Rahman I sendiri telah memberi penghormatan yang tinggi kepada ulama dari Timur seperti Al-Ghazi Ibn Qais dan Abu Musa Al-Hawari yang datang ke Andalus untuk menyampaikan ilmu agama (Robiah Ismail, 1987: 73).

Pengganti Abd Rahman I iaitu Hisham I (788- 796 M) juga seorang pemerintah yang menitikberatkan kegiatan keilmuan. Pada zaman pemerintahannya, beliau telah membina beberapa buah sekolah untuk mempelajari bahasa Arab yang juga bahasa rasmi Andalus pada waktu itu. Jasa beliau yang paling besar dalam perkembangan keilmuan ialah perluasan penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan seharian termasuklah urusan keagamaan di gereja, sekaligus melemahkan

penggunaan bahasa Latin di seluruh Semenanjung Iberia. Beliau juga berjaya menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa *Lingua Franca* dalam hubungan antarabangsa pada zamannya dan zaman berikutnya (Joesoef Sou'yb, 1977: 47).

Hisham I sangat meminati syair Arab dan beliau juga terkenal sebagai seorang penyair yang handal. Antara penyair terkenal yang tinggal di istana beliau ialah ‘Amr ibn ‘Ali Ghaffar. Hisham I juga bertindak sebagai penaung kepada beberapa orang sarjana pada zamannya. Antara para sarjana yang berada di bawah naungan beliau ialah Isa bin Dinar, ‘Abd al-Malik bin Habib, Yahya bin Yahya dan ibn Abu Hind (Imamuddin S.M, 1961: 51).

Pada zaman pemerintahan Abd Rahman II (822- 852 M), banyak perubahan dan kemajuan telah dilakukan. Beliau telah membina beberapa buah sekolah dan membangunkan institusi-institusi keilmuan bagi orang-orang yang tidak berkemampuan. Sekolah dan institusi ini dibina di beberapa buah bandar yang penting dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan (Imamuddin S.M, 1961: 70). Pada pertengahan abad ke 9 M, Kota Kordova mula menunjukkan potensinya sebagai pusat ketamadunan. Hal ini berikutan tindakan Abd Rahman II membina sebuah gelanggang khas untuk para cendekiawan berdiskusi, masjid, jambatan dan taman yang indah serta perpustakaan di kota tersebut dan menjadi penaung kepada beberapa orang para sarjana dan para penyair yang datang ke istana beliau (Joseph F O' Callaghan, 1975: 158).

Abd Rahman II bukan sahaja cinta akan bidang kesenian dan seni bina, tetapi juga bidang sains dan kesusasteraan. Beliau begitu meminati hasil karya falsafah

Yunani sehingga sanggup menghantar Abbas ibn Nasih ke Mesopotamia untuk mengumpulkan buku-buku yang baru dan jarang ditemui, terutamanya terjemahan bahasa Arab oleh orang Persia dan hasil karya orang Yunani dalam bidang sains (Imamudin S.M, 1961: 70).

Istana Abd Rahman II sangat terkenal kerana kegemilangan dan kehebatannya. Dozy mengatakan bahawa tidak pernah wujud istana Sultan yang begitu gemilang di Andalus kecuali di bawah pemerintahan Abdul Rahman II. Kegemilangan dan keadaan hidup yang senang lenang telah membawa perubahan besar kepada urusan sosial dan politik istana Kordova. Para cendekiawan dan artis-artis terkenal mula membanjiri istananya. Abdul Rahman II bermurah hati mengurniakan hadiah yang mewah kepada ahli syair, pemuzik dan artis di istananya. Beliau meminati muzik dan permainan catur yang pernah menjadi kegemaran pemerintah kerajaan Abbasiyah dahulu. Beliau menerima gaya dan kebiasaan yang diperkenalkan oleh Ziryab (T.B Irving, 1984: 12). Abd Rahman II sendiri ialah seorang penyair yang berkebolehan dan beliau sering mendengar syair yang digubah oleh penyair di istananya seperti Ubayd Allah b. Qarlman bin Badr dan Abdul al-Rahman bin Shimr (Imamuddin S.M, 1961: 70).

Para pengkaji kebudayaan Islam Andalus seperti Hassan Ibrahim, Mahayuddin Yahya, Azizan Baharudin, Dr. Amir Hasan Siddiqi dan Ahmad Amin sependapat mengatakan bahawa peranan dan sokongan politik yang paling cemerlang di Andalus ialah semasa pemerintahan Abdul Rahman III atau Khalifah Al- Nasir Lidinillah (912-961 M) dan Al-Hakam II Al-Mustansir (961-976 M). Zaman pemerintahan Abd Rahman III ini juga dikenali sebagai zaman keemasan

pemerintahan kerajaan Umayyah di Andalus (Gabrieli Francesco, 1963: 127). Beliau telah melantik dirinya sebagai ketua agama bagi penduduk Islam Andalus dengan memakai gelaran Khalifah (Bernard Lewis, 1950: 124). Pada zaman inilah pemerintahan kerajaan Islam dikatakan mempunyai pengaruh yang kuat, dihormati serta digeruni oleh pihak lain. Stanley Lane Poole mengatakan bahawa;

Cordova, under the rule of the Great Khalif, was indeed a capital to be proud of; and except perhaps Byzantium, no city of Europe could compare with her in the beauty of her buildings, the luxury and refinement of her life, and the learning and accomplishments of her inhabitants (Stanley Lane Poole, 1890: 10).

Hal ini turut diakui oleh seorang lagi tokoh pengkaji iaitu Joseph F. O' Callaghan. Beliau mengatakan bahawa;

During the century of the caliphate, Cordova became a very real rival to Baghdad as the cultural center of the Muslim world. The Caliphs Abd al-Rahman III and al-Hakam II were learned men who extended a cordial reception to scholars from Europe, Africa and Asia (Joseph F O' Callaghan, 1975: 158).

Pada zaman pemerintahan Abdul Rahman III (912- 961 M), Andalus mula mencapai zaman keagungan dan kecemerlangan dalam berbagai-bagai bidang kehidupan termasuklah aspek pentadbiran, sosio-ekonomi dan perkembangan ilmu pengetahuan. Seperti Khalifah sebelumnya, Abd Rahman III juga seorang pemerintah yang amat mementingkan aktiviti keilmuan dan kebajikan rakyatnya. Beliau telah membuka sekolah-sekolah baru di seluruh kawasan di bawah empayarnya dan membina rumah-rumah anak yatim di setiap bandar besar. Seramai lima ratus orang pelajar daripada keseluruhan rumah anak yatim ini telah mendapat pendidikan yang

sewajarnya pada zaman pemerintahan Abd Rahman III (Imamuddin S.M, 1961: 102).

Selain itu, beliau juga telah bertindak sebagai penaung aktiviti kesusasteraan dan sains. Istana beliau sentiasa dihiasi dengan kehadiran para penyajak dan ahli falsafah (Khan Bahadur Ahsanullah, 1931: 408). Bagi memajukan aktiviti keilmuan dan kebudayaan, beliau telah memperuntukkan sebanyak satu hingga tiga peratus daripada hasil tahunan negeri tersebut. Beberapa orang tokoh ilmuan yang terkenal seperti Ibn Masarrah (ahli falsafah), Ibn Al-Ahmar (ahli sejarah), Ahmad b. Nasr dan Maslamah ibn Al-Qasim (ahli astronomi), Arib b. Said dan Yahya b. Ishaq telah muncul pada zaman pemerintahan beliau (Imamuddin S.M, 1961: 102).

Abd Rahman III telah meneruskan usaha-usaha menaungi kegiatan penterjemahan yang telah dimulakan oleh Abd Rahman II. Banyak sarjana yang berbakat di Andalus dan Timur berkumpul di istana beliau dan mereka diberi ganjaran yang lumayan. Sebagai contoh, beliau bermurah hati memberi kurnian kepada para sarjana Yunani dan Yahudi seperti Nicolas dan Hasdai. Pada zaman pemerintahan beliau, banyak hasil karya Yunani telah diterjemah ke dalam bahasa Arab dan ada juga beberapa buah karya asal dalam bahasa Arab meliputi berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan.

Abdul Rahman III banyak meninggalkan bukti sebagai seorang negarawan yang bijaksana. Beliau sangat terkemuka dalam kedua-dua agenda peperangan dan juga keamanan. Beliau bukan sahaja telah berjaya menyatukan seluruh Andalus malah membawa kemakmuran kepadanya. Di bawah pemerintahannya, Kota Kordova

telah muncul sebagai bandar yang paling mewah di Eropah, menjadi pusat intelektual dan politik melebihi kecemerlangan kedua-dua buah bandar Konstantinople dan Bagdad (Anwar G.Chejne, 1974: 35).

Sesungguhnya Abdul Rahman III ialah seorang Raja yang agung. Pada zaman pemerintahannya, penduduk Kordova telah meningkat lebih 500,000 orang dan dengan tertubuhnya universiti-universiti, penerbitan buku-buku, industri kertas dan kegiatan intelektual , maka Kordova terus maju berbanding dengan pusat lain di Eropah dan Asia (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 183).

Abdul Rahman III meninggalkan takhta kepada anaknya Al-Hakam II (961-976 M), yang dilantik ketika berusia lapan tahun. Baginda menjadi Raja pada usia matang iaitu empat puluh tujuh tahun dan mewarisi negara yang mewah dan stabil daripada ayahnya. Al-Hakam II seorang Raja yang sangat berminat dengan keilmuan berbanding dengan urusan negara (Anwar G.Chejne, 1974: 36).

Sepanjang lima belas tahun pemerintahannya, Khalifah al-Hakam II telah memberi tumpuan yang begitu tinggi kepada perkembangan kegiatan keilmuan di Andalus. Seperti pemerintah sebelumnya, beliau juga bertindak sebagai penaung kepada kegiatan ini. Di samping itu, Khalifah Al-Hakam II juga turut memberikan bantuan dan galakan kepada sarjana-sarjana terkenal dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kesarjanaan mereka seperti Ibnu Abdul Rabbahi, Al-Qali, Al-Zabaydi dan Ibnu Qutiyah (Azam Bin Hamzah, 1999: 41). Beliau juga menjadi penaung kepada sarjana terkenal yang berada di luar Andalus seperti Abul Faraz pengarang buku *Aghani*, dan Hamdani seorang ahli sejarah (A.Rahim, 1960: 312).

Beliau telah menubuhkan beberapa buah institusi pengajian awam di seluruh Andalus. Bagi memudahkan urusan beliau, beliau telah melantik abangnya Mundhir sebagai penyelia utama bagi institusi-institusi pengajian ini. Pada zamannya, Universiti Kordova telah diperbesar dan dipertingkatkan peranannya sehingga muncul sebagai universiti yang terbaik dan terbesar di dunia. Universiti Kordova ini telah berupaya menandingi Universiti Al-Azhar di Cairo dan Nizamiyah di Baghdad. Ia telah berjaya menarik ramai pelajar sama ada Kristian, Yahudi dan Islam, bukan sahaja dari Andalus tetapi juga dari negara-negara di Eropah, Afrika dan Asia.

Khalifah Al-Hakam II sendiri ialah seorang sarjana yang sangat tekun mencari ilmu. Menurut ahli sejarawan, tidak ada seorang Raja pada zaman itu yang setanding dengannya dalam bidang keilmuan. Hal ini menunjukkan bahawa Al-Hakam sememangnya seorang Raja yang terpelajar yang amat cinta akan ilmu pengetahuan. Beliau telah berguru dengan sarjana-sarjana yang mahir dalam berbagai-bagai cabang ilmu pengetahuan. Antara guru-guru beliau dalam bidang sains termasuklah Qasim ibn Asbagh, Ahmad ibn Dahim, Muhammad ibn ‘Abd al-Salam al-Khushani, Zakariya ibn al-Khattab dan Thabit ibn Qasim (Imamuddin S.M, 1961: 113).

Khalifah Al-Hakam II ialah seorang Raja yang suka membaca dan tabiat inilah yang memberi kepuasan kepadanya berbanding dengan aktiviti-aktiviti lain. Beliau amat berminat mengumpulkan buku-buku ilmiah. Usaha mengumpulkan buku ini bukanlah semata-mata hobi di kalangan Raja tetapi juga untuk kemudahan masyarakat (Imamuddin S.M, 1981: 142). Beliau berusaha mengumpulkan buku-buku dan manuskrip berharga yang sukar diperoleh dengan cara menghantar agen-agennya ke semua pusat perkembangan keilmuan pada waktu itu seperti Kaherah,

Baghdad, Damsyik dan Iskandariah. Mereka ditugaskan membeli atau menyalin buku-buku di sana tanpa mengira harga.

Sebagai contoh, Khalifah Al-Hakam II dikatakan sanggup membeli naskah pertama *Kitab Al-Aghani* karya Abu-l-Faraj al-Isfahani (897-966 M) dengan harga seribu dinar emas. Buat pertama kali, *Kitab Al-Aghani* yang mengandungi 20 jilid himpunan sajak dan lagu sejak sebelum kedatangan Islam itu disiarkan di Andalus sebelum tersiar di wilayah-wilayah Islam yang lain (Joesoef Sou'yb, 1977: 137). Di istana beliau dipenuhi dengan para penyalin, penjilid dan penghias buku yang ditugaskan khas untuk menjaga buku-buku dan manuskrip yang terdapat di perpustakaannya (Imamuddin S.M, 1961: 112). Selain itu, Al-Hakam II juga telah menubuhkan scriptorium (*sina 'at al- naskh*) dan tempat menjilid buku di istananya (Anwar G.Chejne, 1974: 37).

Di perpustakaan milik Khalifah Al-Hakam II terdapat lebih daripada empat ratus ribu buah buku dan empat puluh empat buah katalog yang kebanyakannya sudah pun dibaca oleh beliau (Roger Collins, 1983: 173). Beliau bukan setakat membaca, tetapi juga membuat beberapa catatan dan ditambah dengan bahan-bahan rujukan yang lain. Misalnya, beliau membuat nota bibliografi pengarang seperti nama, nama keluarga, nama asal bapa atau moyang pengarang, ahli keluarga dan suku asal, tarikh kelahiran dan kematian serta maklumat-maklumat lain berkenaan pengarang pada bahagian permulaan atau akhir setiap buku yang dibacanya (K.D. Bhargava, 1961: 132). Beginilah cara Al-Hakam II menambahkan ilmu pengetahuannya. Ibn al-Abbar mengatakan bahawa Khalifah Al-Hakam II begitu

mahir dengan kandungan semua buku yang terdapat di perpustakaannya (Imamuddin S.M, 1961 : 113).

Tidak hairanlah dikatakan bahawa ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh Khalifah Al-Hakam II dalam bidang sejarah, biografi dan geneologi melebihi cerdik pandai yang ada pada zamannya. Beliau ialah seorang sejarawan yang sungguh cemerlang dan saksama semasa membuat kritikan. Maklumat beliau tentang sejarah sangat tepat dan setiap pengadilan yang dilakukan oleh beliau begitu mendalam sehingga segala pendapat yang diutarakan tidak pernah dipersoalkan oleh manapun sarjana besar dunia yang hidup pada zamannya. Beliau juga pernah menghasilkan satu karya yang baik tentang sejarah Andalus tetapi malangnya telah musnah (Imamuddin S.M, 1961: 113).

Keprihatinan Khalifah Al-Hakam II terhadap kebajikan para sarjana Andalus, sarjana luar, para saintis dan ahli falsafah adalah sama dan tidak terbatas. Beliau amat menggalakkan perkembangan ilmu falsafah dan berusaha melindungi ahli falsafah daripada ancaman pembunuhan oleh golongan fanatik agama yang menentang perkembangan keilmuan. Di samping itu, beliau juga telah menuahkan satu biro penterjemahan untuk menterjemah karya Aristotle dan Euclid. Semasa zaman pemerintahan beliau, ilmu sains dan perubatan dikatakan lebih maju berbanding dengan yang telah ditinggalkan oleh Yunani pada tujuh abad sebelumnya. Begitu juga dengan semua cabang ilmu yang lain turut berkembang subur di bawah pemerintahannya. Seluruh sarjana dari Afrika, Asia dan Eropah boleh ditemui di Kota Kordova pada zaman tersebut (Imamuddin S.M, 1961: 113-114).

Pada zaman pemerintahan Khalifah Al-Hakam II, Andalus telah tiba ke puncak kegemilangan kebudayaan. Menurut Dozy, di bawah pemerintahan Khalifah Al-Hakam II inilah, seluruh masyarakat di Andalus boleh membaca dan menulis. Sebaliknya, di sebelah Kristian Eropah, hanya sesetengah golongan sahaja yang boleh mendapat pendidikan dan kebanyakannya mereka ini terdiri daripada golongan paderi (Reinhart Dozy, 1913: 455).

Al-Hakam II juga seorang Raja yang amat mengambil berat tentang orang awam yang miskin dan memerlukan bantuan. Beliau membina dewan amal (*dar al-sadaqah*) berhampiran masjid dan wang yang diperoleh daripada kutipan derma akan disumbangkan kepada orang miskin. Beliau juga membina dua puluh tujuh buah sekolah awam dan pelajar-pelajar miskin diberikan pelajaran secara percuma di sini. Guru-guru yang mengajar di sekolah ini diberi gaji yang lumayan oleh Khalifah sendiri (K.D. Bhargava, 1961: 132). Sekolah-sekolah ini juga dibayai sepenuhnya oleh kerajaan melalui kutipan cukai yang diperoleh daripada peniaga-peniaga yang berniaga di bazar di Kota Kordova (Imamuddin S.M, 1961: 110).

Manakala bagi golongan kaya pula, mereka boleh mendapat pendidikan di akademi-akademi baru yang dibuka khas bagi golongan tersebut. Sesungguhnya di setiap buah bandar yang kecil sekalipun mempunyai sekolah-sekolahnya sendiri dan bagi setiap bandar besar pula dibina institusi-institusi pengajian tinggi. Institusi pengajian tinggi di Seville, Malaga, Saragossa dan Jaen kemudiannya mencapai kegemilangan sama seperti institusi-institusi pengajian di Kordova. Al-Hakam II telah berjaya menaikkan tamadun Andalus ke puncak yang tertinggi dan Kordova

telah muncul sebagai pusat yang menerangi Zaman Gelap Eropah (Imamuddin S.M, 1961: 111).

Kejatuhan kerajaan Bani Umayyah pada tahun 1031 M tidak menjaskan perkembangan aktiviti keilmuan di Andalus, ini kerana pemerintah Al-Muwahiddun yang berkuasa selepasnya turut mengambil berat terhadap perkembangan keilmuan. Pemerintah Al-Muwahhidun berusaha gigih mengumpulkan para cendekiawan dari seluruh dunia bagi mengisi keperluan tenaga pengajar di institusi-institusi pengajian tinggi yang didirikan oleh mereka. Selain itu, pemerintah Al-Muwahhidun turut memperkenalkan aliran *Ash 'ariyah* dan *al-Ghazali*. Serentak dengan kelahiran kedua-dua aliran ini ialah bermulanya perkembangan pemikiran dalam aliran-aliran ilmu kalam seperti ilmu Usuluddin yang sebelumnya tidak mendapat perhatian di kalangan masyarakat Andalus.

Pemerintah Al-Muwahhidun juga bertanggungjawab dalam perkembangan ilmu tafsir di Andalus. Para sarjana Islam digalakkan membuat tafsir bukan sahaja mengikut lahir ayat, tetapi juga penafsiran secara isyarat dengan membuat berbagai-bagi ulasan dan pendapat mengenai ayat yang dibaca. Mereka juga menghuraikan maksud sesetengah ayat secara lebih mendalam dan terperinci berbanding dengan sebelumnya yang hanya memberi makna secara mendatar.

Daripada huraihan di atas ini jelaslah bahawa peranan dan sokongan padu yang diberikan oleh para pemerintah Islam terhadap kegiatan keilmuan oleh para sarjana begitu penting dan tidak seharusnya diambil ringan. Sesungguhnya penglibatan

mereka secara langsung memberi input yang bermakna bagi pertumbuhan dan perkembangan kegiatan keilmuan di Andalus.

Secara keseluruhannya, pemerintah Islam Andalus dianggap sebagai orang yang mempunyai peradaban yang tinggi. Merekalah yang menggalakkan pembelajaran dan berasa bangga kerana mempunyai golongan cerdik pandai di istana-istana mereka. Selain membina perpustakaan yang lengkap dan besar, mereka juga menghantar ejen-ejen khas keluar negara untuk membawa pulang buku-buku dari tempat yang jauh untuk disalin oleh para penyalin khas. Mereka juga turut membiayai sekolah-sekolah supaya pendidikan dapat diperoleh oleh semua lapisan masyarakat. Selain itu, penganugerahan hadiah, pangkat dan bantuan penginapan yang diberikan oleh para pemerintah Islam kepada para sarjana di istana mereka juga telah melahirkan satu budaya baru di istana yang dikenali sebagai '*Budaya Istana*' atau '*Court Culture*'. Justeru, tidak hairanlah dikatakan bahawa perpustakaan-perpustakaan awam dan persendirian di seluruh Andalus telah dijadikan ukuran peradaban dan sumber kemegahan bagi masyarakat Andalus meskipun kepada mereka yang tidak berminat dengan buku-buku tersebut (Anwar G.Chejne, 1974: 181).

2.5 Kelahiran Dan Perkembangan Institusi-Institusi Keilmuan

Masyarakat Islam di Andalus telah menyemaikan satu tradisi cintakan ilmu pengetahuan. Usaha mereka mencari ilmu dapat dilihat pada peninggalan mereka dalam semua cabang ilmu. Banyak hadis Nabi yang menitikberatkan kepentingan ilmu telah diamal dan dihayati oleh masyarakat di sini. Misalnya hadis yang

bermaksud, ‘*Tuntulah ilmu walaupun ke negeri China*’ menjadi amalan di kalangan para sarjana Islam. Bagi mereka, belajar dan mengajarkan ilmu kepada orang lain adalah pencapaian manusia yang paling tinggi, lebih-lebih lagi apabila ilmu itu mempunyai hubungan langsung dengan agama (Anwar G.Chejne, 1974: 166).

Secara umumnya, masyarakat Islam di Andalus dapat menikmati pendidikan yang terancang, sama ada di peringkat rendah atau tinggi. Pada peringkat sekolah rendah (*ibtida’iyah* dan *i ’dadiyah*) para pelajar diajar menulis dan membaca al-Quran. Di samping itu, mereka juga diajar mengenal puisi, menulis surat, karangan dan tatabahasa Arab. Selain itu, pelajar juga diajar seni kaligrafi dalam aktiviti kurikulum. Murid-murid belajar menggunakan pena dan dakwat dan biasanya mereka menulis pada kayu licin yang boleh dipadam dengan kain kesat. Guru-guru yang mengajar pada peringkat ini tidak perlu memiliki diploma atau ijazah. Mereka tidak diberikan gaji tetap, hanya sekadar menerima elauan yang dibayar oleh murid-murid secara sukarela. Biasanya pendidikan peringkat rendah ini dijalankan secara terbuka (Mahayudin Haji Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi, 1997: 356).

Secara formalnya pendidikan peringkat menengah tidak wujud. Oleh sebab itu, para pelajar telah disediakan dengan pelajaran yang secukupnya untuk membolehkan mereka terus memasuki institusi-institusi pengajian tinggi atau universiti. Sebaik sahaja tamat pendidikan di peringkat rendah, para pelajar yang berkemampuan akan berpeluang meneruskan pengajian mereka ke peringkat tinggi di bandar-bandar yang berdekatan (Imamudin S.M, 1981: 139). Menurut al-Maqqari, kurikulum pendidikan di sini bersifat universal, dikatakan bermula dengan pembacaan dan takwil al-Quran. Tumpuan lebih diberikan kepada bidang keagamaan

dan bidang teologi menjadi subjek yang utama. Selain itu, mata pelajaran yang diajar ialah falsafah, saraf dan nahu, tatabahasa Arab, puisi, retorik, sejarah dan geografi , lughat dan leksikografi (Anwar G.Chejne, 1974: 205).

Daripada kenyataan di atas, jelaslah bahawa dalam sistem pendidikan masyarakat Islam Andalus tidak wujud dualisme atau pemisahan antara pelajaran keagamaan dengan pelajaran kemasyarakatan. Hasilnya, sistem pendidikan yang bersepadu ini telah melahirkan ramai cendekiawan dan sarjana Islam yang mahir dalam kedua-dua bidang ilmu sama ada ilmu dunia maupun akhirat (Azam Bin Hamzah, 1999: 39).

Bagi para sarjana pula, mereka sanggup mengembara jauh untuk mencari ilmu di mana-mana sahaja yang boleh didapati sama ada di Kordova, Seville, Saragossa ataupun di sebelah Timur iaitu di Bandar-bandar seperti Qayrawan, Iskandariah, Kufah dan Basrah. Mereka diberi kebebasan untuk memilih bidang yang paling diminati dan mendapat tunjuk ajar daripada para guru dan cendekiawan yang masyhur sehingga memperoleh diploma atau ijazah setelah tamat pengajian kelak (Anwar G.Chejne, 1974: 180). Terdapat juga di kalangan para sarjana ini mendapat bantuan daripada pemerintah Islam seperti yang dinyatakan oleh Dr. Amir Hasan Siddiqi, *Muslim scholars of Spain, often under royal patronage, travelled to Madinah, Baghdad, Damascus and elsewhere in the East, even to Transoxiana and China in quest of learning* (Amir Hasan Siddiqi, 1967: 56).

Menurut Irving, seorang pelajar atau sarjana yang baru sahaja tamat pengajiannya dari mana-mana institusi pengajian tinggi bukan sahaja layak untuk

mengajar dalam bidang yang diceburi oleh mereka, mereka juga berpeluang menjawat jawatan-jawatan penting dalam pekhidmatan kerajaan dengan mendapat gaji yang lumayan. Namun begitu, jawatan dan kedudukan bukanlah matlamat utama pelajar-pelajar di sini. Hal ini kerana masyarakat di Andalus lebih memandang tinggi pencapaian seseorang dalam bidang akademik berbanding dengan kedudukan kebendaan mereka (Azam Bin Hamzah, 1999: 39). Guru-guru, cendekiawan dan para sarjana mempunyai status sosial yang tinggi dan mereka diberi penghormatan oleh masyarakat dan pemerintah. Kebolehan membaca dan menulis di kalangan penduduk Islam Andalus sangat tinggi dan mungkin di mana-mana di seluruh dunia pada zaman itu.

2.5.1 Rumah Persendirian, Masjid, Istana Khalifah, Wazir atau Gabenor, Majlis Munazarah, Kelab Kesusastraan, Kedai Dan Pasar Buku.

Menurut Fadzlullah Hj Shuib, institusi terawal pendidikan Islam sejak zaman kebangkitan Islam di Mekah pada tahun 610- 622 M ialah rumah persendirian seperti rumah Nabi Muhammad s.a.w sendiri dan rumah para pengikutnya seperti rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam yang dikenali sebagai *Dar al- Arqam*. *Dar Al- Arqam* ialah sekolah pertama dalam sejarah pendidikan Islam dan Rasulullah s.a.w sebagai guru (*mu 'allim*) dan pendidik (*murabbi*) pertama umat Islam (Fadzlullah Hj. Shuib, 1995: 110). Demikianlah halnya dengan institusi terawal di Andalus yang bermula di rumah. Imamudin S. M mengatakan bahawa kebanyakan masyarakat Islam Andalus menerima pendidikan sejak kecil di rumah masing-masing (Imamudin S. M, 1981: 138).

Selain rumah sendiri, rumah para ulama dan cendekiawan Islam juga turut dikunjungi oleh pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Terdapat segelintir para sarjana Islam yang telah tamat belajar tidak berminat untuk bekerja makan gaji di istana atau kediaman-kediaman orang kenamaan. Selalunya mereka bekerja sendiri sahaja. Mereka mengadakan kelas bimbingan di kediaman masing-masing dan sesetengah daripada mereka mempunyai bilangan pelajar yang sangat ramai. Misalnya, Ahmad Ibn Sa ‘id al- Ansari, seorang professor (*shaykh*) di Toledo mempunyai pelajar seramai empat puluh orang di rumahnya. Walau bagaimanapun, mereka dapat belajar dengan selesa kerana banyak kemudahan disediakan termasuklah alat pemanas semasa musim sejuk. Pada waktu makan pula, pelajar akan dihidangkan dengan buah zaitun, daging, yoghurt dan makanan manis. Jelaslah di sini bahawa masyarakat di Andalus memandang tinggi terhadap ilmu pengetahuan dan sanggup berusaha untuk mencari ilmu dan menyebarkannya (Anwar G.Chejne, 1974: 180).

Selain rumah persendirian, masjid-masjid juga dijadikan tempat untuk membaca serta mengajarkan berbagai-bagai ilmu pengetahuan di samping peranan utamanya sebagai pusat ibadah. Terdapat juga masjid-masjid yang telah diwakafkan untuk tujuan pendidikan. Biasanya pendidikan peringkat rendah dijalankan di masjid-masjid tersebut. Kanak-kanak diberikan pendidikan asas seperti membaca al-Quran. Selain membaca, mereka juga diajar menulis dengan menggunakan papan dan dakwat yang mudah dipadamkan. Antara masjid yang mula-mula berperanan sebagai institusi pendidikan tidak rasmi ini ialah masjid Kordova. Walau bagaimanapun, pada zaman pemerintahan Al-Hakam II, masjid Kordova telah muncul sebagai institusi pengajian tinggi yang terbesar di dunia (Robiah Ismail, 1987: 74).

Istana-istana para Khalifah, Wazir, Gabenor dan para pembesar juga turut berfungsi sebagai institusi pendidikan khusus dan tidak rasmi di Andalus. Di sinilah juga para pemerintah sering mengadakan majlis-majlis munazarah bersama-sama pembesar-pembesar negara. Selain itu, para cendekiawan, pemerintah dan orang-orang kenamaan juga mempunyai salons ataupun kelab kesusasteraan di kediaman mereka. Kelab-kelab mereka dihadiri oleh orang-orang yang terpilih sahaja. Di sinilah perbahasan tentang kesusasteraan seperti perbendaharaan kata, leksikografi, puisi, keagamaan, undang-undang dan lain-lain perkara ilmiah diadakan. Begitu juga kedai buku dan pasar turut menjadi tempat perbincangan para cendekiawan dalam segala bidang keilmuan (Anwar G.Chejne, 1974: 181).

2.5.2 Perpustakaan

Antara institusi pendidikan tidak rasmi yang paling terkenal ialah perpustakaan-perpustakaan yang bukan sekadar berfungsi sebagai pusat penyelidikan tetapi juga tempat pertemuan para cendekiawan dari seluruh pelusuk dunia. Ketika institusi perpustakaan kian berkembang di wilayah Islam di Timur, Andalus yang berada di bawah pemerintahan Khalifah Umayyah juga tidak ketinggalan berusaha membangunkan dan memperkembangkan institusi keperpustakaannya.

Imamuddin mencatatkan bahawa perpustakaan yang pertama dan terbaik di Andalus ialah Perpustakaan Diraja Kordova. Sejak pemerintahan Abd Al- Rahman II lagi, perpustakaan ini menjadi sebuah perpustakaan yang terbaik di dunia Islam dan kecemerlangan ini telah diteruskan oleh Abd Al-Rahman III. Kedua-dua anak Abd Al- Rahman III iaitu Muhammad dan Al-Hakam II lebih cenderung dalam aktiviti

kesusasteraan dan mereka dikatakan mempunyai koleksi atau simpanan buku yang tersendiri. Ketika Al-Hakam II menaiki takhta, beliau telah menuahkan tiga buah perpustakaan untuk kegunaan Khalifah dan puteri-puteri mereka (Imamuddin S.M, 1981: 143).

Selain itu, beliau juga telah menghantar beberapa orang ejen ke Mesir, Syria dan Iraq untuk membeli manuskrip dan buku-buku yang tidak terdapat di Andalus. Sebagai contoh, ejen beliau bernama Fatimah telah meneroka kebanyakan kedai buku dan perpustakaan di beberapa buah bandar yang jauh seperti Cairo, Alexandria, Damascus dan Baghdad untuk membeli atau membuat salinan manuskrip kuno dan moden (Imamuddin S.M, 1961: 111). Ada pendapat mengatakan bahawa tidak ada hadiah yang paling bermakna bagi Khalifah Al-Hakam selain menerima manuskrip yang luar biasa dan jarang ditemui oleh beliau. Tidak hairanlah jika dikatakan bahawa perpustakaan yang dimiliki oleh beliau adalah paling banyak koleksi buku pada Zaman Pertengahan. Dianggarkan bahawa beliau memiliki simpanan buku sebanyak 400,000 buah dalam perpustakaan miliknya (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 183).

Perpustakaan awam juga dibina di setiap daerah dan wilayah di Andalus. Menurut Ballestros, di bandar Kordova sahaja terdapat sebanyak tujuh puluh buah perpustakaan awam yang boleh digunakan oleh seluruh masyarakat di situ (Imamuddin S.M, 1961: 112). Setiap perpustakaan ini mempunyai koleksi buku dalam pelbagai bidang. Selain itu, terdapat juga beberapa buah perpustakaan persendirian yang dibina oleh tokoh-tokoh terkenal sama ada di Kordova atau bandar-bandar lain. Antara perpustakaan persendirian yang terpenting selepas Perpustakaan Diraja ialah perpustakaan Ibn Futaib di Kordova. Perpustakaan ini telah dijual kepada

orang awam sebanyak 40,000 dinars pada awal abad ke 11 M (Imamuddin S.M, 1981: 144).

Penjaga perpustakaan atau pustakawan di setiap ibu kota terdiri daripada kalangan keluarga orang kenamaan sahaja, seperti juga orang yang menguruskan Perpustakaan Diraja adalah daripada kalangan keluarga Diraja itu sendiri. Misalnya, abang kepada Khalifah Al-Hakam II iaitu Abd Al-Aziz telah ditugaskan untuk menyelia perpustakaan milik Diraja, manakala seorang lagi abangnya iaitu Al-Mundhir sebagai ketua yang menguruskan jabatan pendidikan. Ketua pustakawan ialah Talib. Beliaulah yang bertanggungjawab mengarahkan anak buahnya menyediakan katalog bagi setiap buku di Perpustakaan Diraja tersebut. Selain itu, Khalifah juga mengambil beberapa orang penjilid buku, ahli tukang dan penghias yang mahir untuk bekerja di Perpustakaan Diraja. Walau bagaimanapun, kebanyakan buku dalam bidang falsafah dan sains di perpustakaan ini telah musnah pada zaman pemerintahan Hajib al- Mansur (Imamuddin S.M, 1981: 144).

Selepas Kordova jatuh, pusat kebudayaan telah berpindah ke wilayah yang lain. Antara pemerintah Muluk Al-Tawa'if, hanya pemerintah Abbadid di Seville mempunyai Perpustakaan Diraja dan di tengah ibu kota ini pula letaknya pasar buku. Selain itu, Abu Ja 'far ibn Abbas, wazir kepada Zuhayr iaitu pemerintah Almeria dikatakan memiliki 400,000 buah buku di perpustakaan persendirian, Al-Muzaffar ibn Al-Aftas pula selain berjaya menghasilkan karya ensiklopedia bertajuk *al-Muzaffariyyah* sebanyak lima puluh volum juga memiliki sebuah perpustakaan yang besar. Banu Dhu 'l-Nun di Toledo dan Banu Hud di Saragossa juga mempunyai perpustakaan yang terkenal di ibu negaranya. Ibnu Matruh dan Ibn Saghir yang

terkenal sebagai pencinta buku di Saragossa telah berpindah ke Valencia selepas Saragossa ditawan oleh Alfonso I. Granada juga tidak ketinggalan mempunyai perpustakaan yang terpenting, antaranya ialah Perpustakaan Banu Zubaydi, Ibn Furqan dan Aben Lope (Imamuddin S.M, 1981 : 144).

Semasa zaman kejatuhan Islam, kebanyakan koleksi buku yang terdapat di perpustakaan ini telah musnah. Walau bagaimanapun, tinggalan koleksi buku-buku orang Islam telah disimpan dengan baik di perpustakaan Escorial dekat Madrid oleh Raja Philip II (1556-1598 M) dan penggantinya. Pada zaman beliau, perpustakaannya itu telah menjadi sebuah perpustakaan yang terkaya dengan manuskrip Islam (Imamuddin S.M, 1981: 145).

2.5.3 Universiti-Universiti

Insitusi-institusi pendidikan rasmi tumbuh dengan banyaknya di seluruh Andalus. Boleh dikatakan semua bandar utama mempunyai universitinya yang tersendiri dan bandar-bandar kecilnya pula mempunyai sekolah-sekolah. Sebagai contoh, Khalifah Al-Hakam II telah membina sebanyak tiga buah sekolah bersebelahan dengan masjid utama dan dua puluh empat buah sekolah yang lain di pinggir bandar Kordova dan para pelajar akan mendapat pendidikan secara percuma di sini. Menurut McCabe, di sekitar bandar Kordova sahaja telah ada sebanyak lapan ratus buah sekolah (Imamuddin S.M, 1981: 139).

Universiti pertama di Andalus telah diasaskan oleh Khalifah Abdul Rahman III. Kos pembinaan universiti ini ditanggung oleh Khalifah selain dibantu oleh orang

awam (Azam Bin Hamzah, 1999: 40). Kemudiannya, universiti ini terus berkembang pesat di bawah naungan dan bantuan kewangan daripada Khalifah Al-Hakam II. Khalifah Al-Hakam II telah memperuntukkan wang sebanyak 2,61,537 dinar bagi tujuan memperbesar dan mencantikkan universiti tersebut (Amir Hasan Siddiqi, 1967: 57). Universiti yang bertempat di Masjid Jamek Kordova ini dikenali dalam sejarah sebagai Universiti Kordova.

Universiti Kordova dikatakan menjadi tempat belajar yang paling baik di dunia pada zaman tersebut. Hal ini kerana dua buah universiti yang terkenal selepasnya iaitu Universiti Al-Azhar dan Nizamiyah belum lagi dibina ketika itu. Di Universiti Kordova telah wujud beberapa jabatan pengajian seperti jabatan astronomi, matematik, perubatan, teologi dan undang-undang (Philip K. Hitti, 1956: 136). Keunggulan universiti ini sebagai pusat pendidikan yang terbaik di Eropah telah menarik perhatian para pelajar dan sarjana dari seluruh dunia datang ke Universiti Kordova untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Amir Hasan Siddiqi mengatakan bahawa;

In the tenth century A.D. when Cordova (the Umayyad capital of Spain) began to rival Baghdad, the tide of the flow of culture and learning was turned. During the subsequent centuries increasingly more students from the Muslim East and the Christian Europe flocked at the Universities of Cordova, Toledo, Granada and Seville to drink deep from the wells of learning that flowed there in abundance (Amir Hasan Siddiqi, 1967: 56).

Hal ini turut diakui oleh A.Rahim;

The University of Cordova was the meeting place of the scholars and students of all classes and every branch of knowledge was studied and additions were made by new discoveries (A.Rahim, 1960: 324).

Khalifah Al-Hakam II telah menjemput ramai sarjana dan professor dari Timur untuk berkhidmat di universiti ini. Mereka bukan sahaja ditawarkan dengan gaji yang lumayan malah diberikan kemudahan-kemudahan yang lain. Antara ulama dan sarjana yang berhijrah ke Andalus pada zaman beliau termasuklah Abu Bakr bin Muawiyah al- Qurayshi yang pakar dalam ilmu hadith, Abu Ali al- Qadi seorang professor bahasa, syair, falsafah dan sejarah Arab sebelum Islam, Ibn al- Qutiyah seorang sarjana dalam ilmu nahu dan sejarah serta ramai lagi (Imamuddin S.M, 1961: 111).

Universiti dan akademi pengajian tinggi juga terdapat di beberapa buah bandar besar seperti Seville, Almeria, Badajoz, Granada, Toledo, Valencia, Malaga dan Dervia. Bandar-bandar ini juga muncul sebagai pusat pembelajaran terpenting pada zaman pertengahan. Para pelajarnya datang dari serata tempat di Andalus dan juga dari luar. Universiti turut dikunjungi oleh para sarjana untuk mendapatkan bantuan serta galakan raja-raja (Anwar G.Chejne, 1974: 164).

Granada muncul sebagai pusat pemerintahan Islam dan perkembangan keilmuan yang terpenting di sebelah Barat. Di sinilah letaknya Universiti Granada iaitu universiti terakhir di bawah pemerintahan kerajaan Islam di Andalus. Universiti Granada ini dibina oleh Sultan Yusuf I pada tahun 1349 M. Universiti ini terkenal dengan panggilan *Dar al- 'Ilm* atau *al-Madrasah al-Nasriyyah*. Bangunan universiti ini dibina mengikut seni bina Morocco dan merupakan satu-satunya bangunan jenis itu yang terdapat di Andalus (Azam B. Hamzah, 1999: 45). Universiti Granada juga mempunyai beberapa buah jabatan pengajian seperti jabatan undang-undang, perubatan, kimia, falsafah dan astronomi (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 205).

Penduduk di kedua-dua buah kerajaan Kristian Castile dan Aragon yang sentiasa berazam untuk menentang kerajaan Islam di Andalus juga tidak melepaskan peluang untuk datang mendapatkan ilmu di Universiti Granada. Profesor Philip K. Hitti telah menceritakan keunggulan pendidikan Islam pada zaman tersebut, dan menurut beliau dunia ini didukung oleh empat perkara utama iaitu kebijaksanaan para cendekiawan, keadilan seorang pemerintah, doa orang-orang yang jujur dan keperkasaan orang yang berani. (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 205-206).

Sesungguhnya universiti dan kegiatan intelektual tidak akan berkembang subur tanpa adanya buku dan bukanlah satu perkara yang memerlukan apabila Andalus menjadi pusat pengeluaran buku yang terbesar di Eropah. Industri membuat kertas mula diperkenalkan di Morocco dan Shatibah telah muncul sebagai pusat utama industri kertas di Eropah. Dari Andalus, perusahaan membuat kertas telah tersebar ke Itali dan Perancis dan kemudiannya ke seluruh Eropah. Sebelum berlakunya Perang Salib, buku dan kertas menjadi salah satu warisan Islam Andalus kepada Eropah Barat (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 206).

2.6 Andalus Sebagai Pusat Kegiatan Keilmuan

Kegemilangan Andalus sebagai pusat kegiatan keilmuan ini telah mendapat perhatian Profesor Philip K. Hitti. Beliau menyatakan bahawa;

As Arab science decayed in the Eastern soil of Islam, it flourished in its Western soil. The City of Cordova took the place of Baghdad as the center of learning, while Toledo and Seville shared in intellectual effort. Spanish Arab scholars built on foundations laid by their coreligionists in Iraq, Syria, Egypt and Persia. Their golden prime covered roughly the eleventh and twelfth centuries (Philip K. Hitti, 1970: 112).

Dalam bukunya yang bertajuk ‘*Two Lectures On Islamic Civilization*’, M.A.J. Beg turut menyatakan tentang peranan Kota Kordova sebagai sebuah pusat tamadun Islam di Eropah. Menurut beliau;

The City of Cordova was a great center of Islamic Civilization in Europe, rivalling Baghdad of the Middle East, and outshined Constantinople of the Byzantines. The Arabs founded many new towns and developed old ones in Spain. Their City of Cordova was the seat of the Caliphate, the center of learning and champions of Islamic traditionalism (M.A.J.Beg, 1983: 124).

Antara tokoh sarjana lain yang turut memperihalkan ketinggian tamadun Islam di Andalus ialah Anwar G. Chejne. Beliau menyatakan bahawa;

In the tenth century, Cordova surpassed the splendor of Constantinople, with its hospitals, universities, gorgorous mosques and palaces, public libraries, public bath and beautiful gardens and promenades. Those facilities were all present in the major cities of Muslim Spain, and helped to create the intellectual environment that produced the greatest Andalusian minds (Anwar G.Chejne, 1974: 401).

Kenyataan jujur daripada penulis-penulis di atas memberikan gambaran yang jelas tentang kedudukan dan peranan Andalus sebagai pusat kebudayaan dan intelektual Islam di Eropah pada Zaman Pertengahan. Sesungguhnya penguasaan Islam di Andalus selama hampir lapan abad memberikan pengertian yang besar kepada perkembangan kegiatan keilmuan, bukan sahaja kepada seluruh masyarakat Andalus tetapi juga masyarakat Barat dan dunia. Pada zaman kuno, sebelum kedatangan orang-orang Islam, Andalus ketandusan sebarang aktiviti keilmuan dan saintifik dan tidak terdapat seorang pun daripada penduduk tempatan yang memberi sumbangan dalam bidang tersebut. Walaupun terdapat beberapa inskripsi lama tinggalan daripada kerajaan Rom, tetapi tidak dapat dipastikan kesahihannya.

Keadaan Andalus ini berterusan sehingga kemasukan orang-orang Islam pada bulan Julai 711 M. Pada peringkat permulaan kegiatan keilmuan, hanya bidang undang-undang Islam dan bahasa Arab menjadi tumpuan. Namun demikian, minat yang mendalam dalam bidang sains mula timbul di kalangan penduduk ketika Andalus mula diperintah oleh Khalifah Bani Umayyah.

Pada zaman ini, Andalus banyak menghasilkan penulisan dalam bahasa Arab merangkumi semua bidang ilmu seperti pengajian agama, bahasa, sejarah, persuratan, geografi, perubatan, matematik, astronomi, falsafah dan terakhir puisi, satu bentuk manifestasi perasaan orang Arab pada zaman sebelum dan selepas kedatangan Islam. Kegiatan keilmuan ini berlaku ketika seluruh Eropah sedang mengalami Zaman Gelap. Kebudayaan Islam yang tinggi ini secara langsung telah mempengaruhi pemikiran dan cara hidup masyarakat Andalus kemudiannya (Anwar G.Chejne, 1974: 162).

Pada akhir abad ke 10 M, Kordova muncul sebagai pusat intelektual di Eropah. Di sinilah tempat tumpuan penuntut dari seluruh negara untuk menimba ilmu pengetahuan daripada para sarjananya. Pusat ini telah mencapai puncak kecemerlangannya pada masa pemerintahan Abdul Rahman III dan anaknya Al-Hakam II. Mereka lah yang memberikan sokongan dan galakan kepada para intelek yang terkenal pada waktu itu seperti Ibnu Abdul Rabbahi, Al-Qali, Al-Zubaydi dan Ibnu Qutiyyah dan lain-lain lagi. Dengan sokongan dan pemberian biasiswa, maka Andalus dan Maghribi di wilayah Barat Islam mula dibanjiri para pemikirnya. Sesungguhnya bandar Kordova, Seville dan bandar-bandar Islam yang lain merupakan pusat kebudayaan yang terunggul di Eropah (Winter H.J.J, 1952: 69).

Ketinggian ketamadunan Islam di Andalus pada Zaman Pertengahan ini telah berjaya menarik minat dan perhatian para sarjana moden untuk mengkaji dan menilai sumbangan sarjana-sarjana Islam pada zaman tersebut. Antara para sarjana yang berusaha mengkaji perkembangan tamadun Islam di Andalus adalah seperti Imamuddin S.M, Anwar G. Chejne, Kabir Ahmad Khan, Mahmud S.H, Reinhart Dozy, Pascual Gayangos, Bhargava, Samuel Parsons Scott dan Abdul Aziz Salim. Menurut para pengkaji ini, sejak abad ke 10 M lagi, Andalus telah melahirkan ramai tokoh sarjana dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. W. B.Fisher menyatakan bahawa;

....Moreover, Moorish Spain was at this time the intellectual center of Europe. Philosophy, poetry, music, architecture and history were greatly cultivated, and Moslem models influenced Thomas Aquinas and Dante, besides probably contributing to the development of the epic poem and lyric in northern Europe. The Arabs were also ahead of Christian Europe in various scientific studies: astronomy, mathematics, botany, medicine and alchemy-the forerunner of chemistry (W.B.Fisher, 1958: 61).

Dalam bidang kesusasteraan, Andalus telah mengeluarkan beberapa orang tokoh terkenal. Antaranya ialah Ibn Abd Rabbihu (860-940 M). Beliau ialah sasterawan Kordova yang pertama. Beliau menulis karya bertajuk *Iqd-al-Farid* atau *The Unique Necklace*. *Iqd-al-Farid* ialah hasil kesusasteraan pertama dalam sejarah orang Islam. Walau bagaimanapun, tokoh yang paling terkenal dalam kesusasteraan Islam ialah Ibn Hazm (994-1064 M). Semasa muda, Ibn Hazm bertugas sebagai Wazir kepada Abdul Rahman V dan Hisham III, setelah Khalifah Umayyad jatuh, beliau bersara dan terus menjadi seorang penulis. Ibn Khalikan seorang penulis biografi Islam yang terkenal menyatakan bahawa Ali Ibn Hazm telah menghasilkan sebanyak empat ratus buah buku dalam pelbagai subjek termasuk sejarah, puisi, tradisi dan logik. Sehingga kini beliau masih diingati kerana keistimewaan buku-buku

moden beliau tentang perbandingan agama seperti *al-fast*, *fi- al- milal*, *w-al-ahwa*, *w' al- Nihal* dan *The Last Word on Creeds and Heresies*. Beliau juga terkenal sebagai pengkritik moden yang telah mengkritik Bible (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 199).

Dalam jangka waktu dari tahun 1031 M sehingga tahun 1090 M, ramai penyair telah muncul di Andalus termasuklah beberapa orang daripada kalangan pemimpin Abbasiyah sendiri seperti Ibnu Zaydun (1003 - 1071 M) bersama-sama puterinya Walladah. Mereka sangat masyhur pada kurun ke 11 Masihi. Di samping para penyair, ramai cendekiawan serta para sarjana lain yang aktif pada kurun termasuklah Ibnu Sidah seorang penyusun kamus yang buta, Abu Marwan ibn Hayyan seorang ahli sejarah dan Yusuf ibnu 'Abd al-Barr seorang tradisionalis (Anwar G.Chejne, 1974: 165).

Walau bagaimanapun, kecemerlangan dalam kegiatan intelektual ini terganggu seketika apabila berlaku pergolakan politik pada akhir kurun ke 11 M. Akhirnya, kestabilan dapat dicapai semula setelah kedatangan Almoravid dan Almohad dari Afrika Utara. Kedua-dua dinasti ini telah membawa bersama-sama mereka pengaruh yang kuat dengan kekuatan agama, dan mereka amat mementingkan pemikiran yang bebas. Di bawah pemerintahan mereka inilah maka ahli intelektual agung telah muncul semula pada abad ke 12 dan ke 13 M (Anwar G.Chejne, 1974: 165).

Andalus sekali lagi telah berjaya mengeluarkan beberapa orang tokoh terkenal dalam berbagai-bagai bidang termasuklah kesusastraan dan filologi, falsafah,

astronomi, ilmu keagamaan, sains dan perubatan. Dalam bidang kesusasteraan, tokoh sasterawan yang terkenal di Andalus ialah Abu Bakar al-Turtuysi atau Ibn Abi Randazah. Beliau telah mengarang sebuah ensiklopedia sastera bertajuk *Sirat al-Muluk* yang mengandungi cerita-cerita berkaitan dengan kehidupan di istana. Tokoh lain ialah Yusuf bin al-Syeikh yang berasal dari Malaga telah menulis sebuah ensiklopedia sastera secara umum. Al- Syaqundi (berketurunan Barbar) menghasilkan karya sastera bertajuk Risalah (surat beradat) dan Ibn Zaidun yang telah menghasilkan dua buah prosa dalam bentuk surat beradat. Terdapat juga ahli sastera dan antologi yang menulis tentang keindahan negeri Andalus seperti Abu al-Walid al- Himyari dan Ibn Bassam dengan karyanya berjudul *Zakhirah fi Mahasin Ahl al- Jazirah* (Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi, 1997: 362).

Selain itu, penulisan maqamat juga begitu popular di Andalus. Dua orang tokoh sastera dan filologi yang mula-mula memperkenalkan bidang ini ialah Badi' al-Zaman dan al Hariri. Maqamat al-Hariri mula berpengaruh di Andalus pada permulaan abad ke 12 M. Antara tokoh-tokoh sastera Andalus yang menulis maqamat ialah Abu Al-Abbas Al-Syarisyi dari Jerez dan Abu Tahir Muhammad Tamimi Al-Sarqusti Al-Asytarkuni dari Estercuel. (Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi, 1997: 362).

Tokoh-tokoh bahasa Arab yang terkenal pula ialah Muhammad bin Abdullah atau Ibn Malik. Beliau telah menghasilkan tujuh buah buku tentang bahasa dan sastera, antaranya ialah *Tashil al-Fawa'id wa-takmil al-Maqasid* dan *'L'lam bi-Thalath al-kalam*. Tokoh-tokoh lain adalah seperti Abu Hayyan yang terkenal sebagai ahli tatabahasa Arab, Turki dan Habsyah, Ibn Sa 'id Al-Maghribi juga terkenal

sebagai penyair, ahli sejarah dan seorang sasterawan melalui buku-bukunya bertajuk '*Unwan al-Murqisat al-Mutribut*, *al-Ghusun al-Yani 'ah fi mahasin al-Syu 'ara*', *Rayat al-Mubarrizin wa ghayat al-Mumayyizin*. Tokoh yang paling terkenal ialah Lisan Al-Din Ibn Khatib. Beliau ialah seorang ahli sejarah, sasterawan dan dianggap sebagai karyawan paling agung di Granada. Beliau telah menghasilkan beberapa buah puisi dan prosa. Anak muridnya iaitu Ibn Zamrah juga terkenal sebagai seorang sasterawan di kota tersebut. Kebanyakan syair beliau ditampal di dinding-dindng istana Alhambra sebagai perhiasan (Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi, 1997: 362-363).

Kemudiannya, perkembangan kesusasteraan dan bahasa pada zaman terakhir kerajaan Islam di Andalus hanya tertumpu kepada penyusunan dan penyuntingan sahaja, tiada lagi penghasilan karya-karya seperti zaman sebelumnya. Keadaan yang sama juga dikatakan berlaku di kawasan pemerintahan Islam yang berpusat di Baghdad.

Seterusnya dalam bidang falsafah, walaupun ahli-ahli falsafah kurang mendapat sambutan atau penghormatan di kalangan masyarakat Islam Andalus tetapi keadaan ini tidak menghalang ilmu falsafah daripada berkembang subur. Ilmu falsafah telah mula bertapak di Andalus sejak permulaan abad ke 10 M lagi. Orang yang bertanggungjawab memperkenalkan ilmu falsafah di Andalus ialah Ibn Masarrah (883- 931 M). Antara karya beliau yang terkenal ialah *Kitab al-Tabsirah* berkaitan asas-asas pemikiran falsafah (Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi, 1997: 365). Antara sarjana Andalus lain yang mahir dalam bidang ini ialah Abu al-Walid Sulaiman bin Khalaf, Abu Bakr al-Turtusi, Ibn 'Arif, Ibn 'Arabi dan

Ibn Sab ‘in serta seorang ahli falsafah berketurunan Yahudi iaitu Sulaiman bin Yahya bin Jabirul (Azam B. Hamzah, 1999: 64).

Ilmu falsafah hanya bertapak kukuh setelah lahirnya golongan yang dianggap sebagai ahli falsafah tulen pada abad ke 11 dan 12 M. Terdapat empat orang tokoh falsafah yang begitu terkenal di Andalus iaitu Abu Bakr Muhammad bin Yahya bin Bajjah (Ibn Bajjah) dikenali di Barat sebagai Avempace, Abu Bakr Muhammad bin Malik bin Tufail (Ibn Tufail) dikenali sebagai Bubacaris, Abu Al-Walid bin Rushd (Ibn Rushd) dikenali sebagai Averroes dan Ibn Maimun dikenali sebagai Maimonides. Keempat-empat orang tokoh ini dianggap sebagai bintang yang terkemuka semasa pemerintahan Muwahhidun. Mereka sangat bijak menyusun atur antara kepentingan kegiatan intelektual dan falsafah (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 197).

Tokoh falsafah Islam yang pertama ialah Ibn Bajjah atau Ibn Shaigh, lahir di Saragossa pada akhir abad ke 11 Masihi dan meninggal dunia di Fez pada tahun 1138 M. Di samping keahliannya dalam ilmu falsafah, beliau juga terkenal sebagai seorang saintis, ahli fizik, ilmu kedoktoran, ilmu matematik, ilmu falak dan muzik. Sumbangan beliau yang terkenal bertajuk *Tadbir al- Mutawahhid* atau *Regime of the Solitary*. Ibn Tufail (1105-1185 M), ialah seorang ahli falsafah yang termasyhur di Granada juga seorang doktor dan diplomat politik. Beliau lahir di sebuah kota kecil Wadi As atau Guadix yang terletak dalam wilayah Granada. Dari tahun 1163 M sehingga 1184 M, beliau menjadi Wazir dan doktor kepada Abu Ya’kub Yusuf iaitu Raja Almohade yang kedua. Karya Ibn Tufail yang terkenal ialah *hay ibn Yaqzan* atau *The Living One, Son of the Open-Eyed* (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 197).

Walau bagaimanapun, tokoh falsafah Islam yang paling terkenal di Andalus ialah Ibn Rushd (1126- 1198 M) dari Kordova. Beliau juga seorang doktor dan ahli hukum yang terkenal pada zamannya. Beliau telah mengumpulkan ensiklopedia perubatan dan beberapa komentarnya tentang Aristotle, ringkasan dan resumenya menjadi buku teks selama beratus-ratus tahun. Karya beliau yang terkenal ialah *Tahafut al-Tahafut* (*Incoherence of the Incoherence*), sebagai jawapan kepada kritikan Imam Ghazzali tentang ahli falsafah *Tahafut al-Falasifah* (*Incoherence of Philosophers*) (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 197).

Ahli falsafah keempat yang muncul kemudiannya ialah Abu 'Imran Musa ibn Maimun ibn 'Abdallah Al-Qurtubi Al-Isra'li atau Ibn Maimun (1135-1204 M). Beliau ialah seorang ahli falsafah Yahudi, ada dakwaan yang mengatakan bahawa beliau telah memeluk Islam. Beliau dilahirkan di Kordova dan tinggal menetap di Mesir. Di Mesir, beliau telah dijemput oleh Sultan Salahuddin sebagai ahli fizik di istana baginda. Beliau pernah mendapat naungan daripada Wazir Salah Al-din dan Al-Qadi Al-Fail Al-Baisani. Ibn Maimun terkenal sebagai ahli astronomi, ahli fizik dan ahli falsafah. Karya beliau yang utama ialah *Dalalat- al-Hairin* atau *Guide of the Perplexed* yang disiapkan dari tahun 1187-1190 M (Muhammad Abdus Salam, 1994: 297). Dalam karya ini beliau cuba menyesuaikan antara kepercayaan dan sebab (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 197).

Dalam bidang astronomi, tokoh sarjana Islam yang pertama ialah Ahmad bin Nasar, diikuti dengan Maslamah bin al-Qasim dari Kordova juga seorang ahli astronomi dan astrologi. Walau bagaimanapun, ahli astronomi yang paling terkenal di Andalus ialah Abu Qasim Maslamah Al-Majriti yang bergiat aktif di Kordova. Beliau

telah berusaha menyelidik jadual astronomi Al-Khwarizmi dan menyesuaikannya dengan kegunaan orang Islam, ia dikatakan berasal dari zaman Yezdjird di Iran. Al-Majriti dikenali juga sebagai *Al-Hasib* kerana kepakarannya dalam bidang matematik termasuklah pengukuran. Tokoh astronomi yang lain ialah Abu Ishaq Ibrahim ibn Yahya al-zarqali (1029- 1087 M) dari Toledo. Al-Zarqali telah membetulkan ukuran panjang Laut Mediterranean yang diberikan oleh Al-Khwarizmi. Beliau juga ahli astronomi pertama mengetahui kedudukan matahari dengan membuat rujukan kepada bintang, yang kemudiannya diakui oleh Copernicus dalam penulisan beliau (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 202).

Ahli mistik Islam Andalus ialah Muhyuddin ibn Arabi (1165- 1240 M). Beliau dilahirkan di Murcia pada tahun 1165 M dan menetap di Seville. Selepas menunaikan haji di Mekah pada tahun 1202 M beliau telah mengembara ke Iraq, Syria dan Asia Minor dan akhirnya menetap di Damascus dan meninggal dunia di sini pada tahun 1240 M. Ibn Arabi banyak dipengaruhi oleh mistik Zaman Pertengahan dari Eropah dan Timur Tengah (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960: 198).

Seperti di wilayah Islam sebelah Timur (Baghdad), bidang-bidang ilmu keagamaan atau ilmu wahyu juga berkembang subur di Andalus. Sepanjang lapan ratus tahun pemerintahan Islam di Andalus, ramai sarjana terkenal dalam bidang fiqh, hadis, tasawuf dan lain-lain berjaya dilahirkan. Pemerintah yang bertanggungjawab mengembangkan ilmu-ilmu agama ini ialah Abdul Rahman III dan anaknya Al-Hakam II yang memerintah pada abad ke 10 M. Kedua-dua Khalifah ini telah mendirikan sekolah-sekolah agama dan menjemput para ulama dari Timur datang mengajar di Andalus.

Usaha mereka ini telah diteruskan oleh pemerintah-pemerintah Islam yang seterusnya. Dalam tempoh inilah telah muncul ramai tokoh agama yang terkemuka di Andalus khususnya pada abad ke 11 dan 12 M. Antara tokoh-tokoh agama yang terkenal pada abad ke 11 M ialah Ibn Hazm (994-1064 M) dengan hasil karyanya yang bertajuk *Al-Ahkam li Usul al-Ahkam*, *Risalah fi Usul al-Fiqh*, *al-Fasl fi al-Milal wa al-Nihal* dan *al-Muhalla* dan Ibn Abd al-Barr (978-1070 M) dengan karya agungnya bertajuk *al-Isti 'ab li Sahabah* (sejarah para sahabat) dan Al-Humaydi. Tokoh agama yang terkenal pada abad ke 12 M pula ialah Qadi Iyad. Beliau adalah seorang pakar dalam bidang hadis, fikah dan sejarah dan telah berjaya menghasilkan sebanyak dua puluh buah kitab dan makalah dalam bidang-bidang tersebut. Beliau merupakan seorang tokoh agama mazhab Maliki dan pernah bertugas sebagai penasihat kerajaan Al-Murabitun (Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi, 1997: 363-364).

Selepas Al-Muwahhidun mengambil alih kuasa pemerintahan daripada kerajaan Al-Murabitun, pengaruh ulama Maliki mulai berkurangan. Hal ini kerana pemerintah Al-Muwahiddun lebih menyokong mazhab Zahiri. Mazhab Zahiri ini turut mendapat sokongan daripada seorang sarjana yang terkenal iaitu Ibn Rushd. Penglibatan Ibn Rushd dalam bidang ini telah melahirkan satu corak baru dalam pemikiran orang Islam Andalus. Idea-idea beliau bukan sahaja diterima oleh masyarakat malah turut disokong oleh pemerintah Al-Muwahiddun (Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani, Halimi 1997: 364).

Dalam bidang sains, antara tokoh sarjana Islam yang terkenal dalam ilmu kimia ialah Jabir atau dikenali sebagai Geber di Barat. Beliau banyak mencipta

kaedah proses-proses kimia dan berjaya menemui asid sulfurik, asid nitrik dan asid nitro muriatik. Selain itu, Abbas bin Firnas pula telah berjaya menemui teknik menghasilkan kaca daripada kristal, melakukan percubaan menghasilkan guruh dan kilat rekaan di makmalnya dan merupakan orang pertama membuat percubaan terbang di angkasa dengan menggunakan sayap (Azam B. Hamzah, 1999: 69).

Di samping ilmu kimia, terdapat juga sarjana Islam yang mahir dalam ilmu botani. Antara ahli botani yang muncul pada pertengahan terakhir abad ke 11 M ialah Ibn Bassal, Ibn Al-Wafid, Al-Tighnari, Al-Gharnati, Abu Umar Ahmad Ibn Hajjah dan Abu Khair Al-Ishbili. Mereka begitu serius mengkaji alam tumbuh-tumbuhan dan hubungannya dengan material medica dan berjaya menghasilkan banyak karya berkaitan tumbuh-tumbuhan. Sebagai contoh, Al-Tighnari telah menghasilkan karya bertajuk *Zahar al-Bustan wa al-Nuzhat al-Adhan* yang mengandungi tiga ratus enam puluh bab dan terbahagi kepada dua belas bahagian utama. Menurut Imamudin, salinan kitab ini dalam bentuk manuskrip masih tersimpan di perpustakaan di Granada, Rabat dan Tetuan. Selain beliau, Ibn Bassal juga menghasilkan karya botani bertajuk *Kitab al-Qasd wa al-Bayan* dan Ibn Hajjah dengan karyanya *Al-Muqna* (Azam B. Hamzah, 1999: 79-80).

Manakala dalam bidang perubatan, Andalus telah berjaya mengeluarkan beberapa orang tokoh perubatan Islam yang mahir dalam berbagai-bagai bidang dan kepakaran mereka dikatakan mampu mengatasi pencapaian ahli perubatan di Timur. Ahli-ahli perubatan Islam Andalus bukan sahaja mampu melakukan eksperimen-eksperimen yang sukar, malah berjaya menghasilkan karya-karya perubatan mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Antara tokoh perubatan Islam Andalus yang terkenal ialah Gharib bin Said dan Yahya bin Ishaq yang berkhidmat semasa pemerintahan Khalifah Abd Rahman III, Abu Daud Sulaiman bin Juljul (doktor peribadi Khalifah Hisham II), Abd Rahman Ishaq bin Haitam (doktor peribadi Hajib Al-Mansur) dan Abu al-Qasim Khalaf bin Abbas Al-Zahrawi (Abulcasis) alah doktor peribadi Khalifah Al-Hakam II. Abu Al-Qasim sangat terkenal sebagai pakar perubatan di Timur dan Barat. Beliau telah menghasilkan ensiklopedia perubatan yang lengkap terdiri daripada tiga puluh bahagian utama. Karya beliau ini telah menjadi buku teks penting bagi ilmu pembedahan di Eropah pada Zaman Pertengahan. Antara tokoh perubatan lain ialah Ibn Zuhr dengan hasil karyanya bertajuk *Kitab al-Taisir*, Ibn Rushd pula berjaya menghasilkan lebih kurang enam belas buah buku perubatan dan terkenal dengan karyanya *Al-Kuliyyat fi al-Tibb*, Ibn Al-Khatib, Ibn Al-Khatimah, Ibn Usfur, Ibn Malik, Ibn Sanigh, Ibn Idris Al-Farani dan lain-lain lagi.

Kehadiran begitu ramai para doktor dan pakar perubatan ini sekaligus menggalakkan pertumbuhan hospital-hospital awam dan persendirian di Andalus. Sebagai contoh, terdapat lebih kurang empat puluh buah hospital di Kordova pada zaman pemerintahan Khalifah Bani Umayyah. Selain bertugas di hospital, khidmat mereka juga diperlukan sebagai tenaga pengajar di universiti-universiti seluruh Andalus (Azam B. Hamzah, 1999: 70-74). Jelaslah di sini bahawa sememangnya bumi Andalus sangat bertuah kerana memiliki begitu ramai para sarjana dan cerdik pandai dalam segala lapangan kehidupan.

Bermula dari pertengahan abad ke 13 M, kuasa orang Islam di Andalus mula berkurangan dan mereka hanya tinggal di bahagian selatan sahaja yang diperintah

oleh Dinasti Nasrid (1232 - 1492 M). Kemegahan dinasti ini dikatakan terletak pada bangunan dan monumen-monumen yang indah seperti istana Alhambra yang terkenal sehingga pada hari ini (Anwar G.Chejne, 1974: 165). Walaupun aktiviti keilmuan pada zaman ini tidak begitu menggalakkan tetapi terus berlangsung sehingga Andalus jatuh ke tangan orang Kristian pada tahun 1492 M.

2.7 Kesimpulan

Daripada keterangan-keterangan di atas ini jelaslah bahawa kejayaan orang Islam menguasai Andalus pada tahun 711 M telah membawa satu perubahan besar kepada sejarah keagungan tamadun Islam. Kemunculan para pemerintah Islam yang berwibawa dan bijaksana serta kehadiran para sarjana Islam yang berkebolehan di samping kekayaan dan kemakmuran Andalus telah berjaya melahirkan sebuah tamadun Islam yang begitu unggul dan gemilang hampir lapan abad lamanya. Kegemilangan Andalus sebagai pusat tamadun Islam dan pusat kegiatan keilmuan ini telah berjaya mengatasi mana-mana tamadun dunia yang ada pada zaman tersebut, lebih-lebih lagi tamadun Barat yang ketika itu berada dalam zaman kegelapan dan kebekuan intelektual.